

**JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (77)

02 Julai 2024

PEKELILING PELAJAR BIL. 3/2024

**PERINGATAN KHAS UNTUK PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II, SESI 2023/2024**

Semua Pelajar Universiti Teknologi Malaysia,

Selamat menduduki peperiksaan akhir Semester II, Sesi 2023/2024!

2. Saudara/i adalah **DIINGATKAN** untuk mematuhi peraturan dan tata tertib peperiksaan yang telah ditetapkan. Pihak Universiti amat memandang berat di atas kesalahan akademik seperti meniru, membawa masuk apa-apa dokumen/kertas ke dalam bilik peperiksaan, menulis apa-apa maklumat atau gambar rajah di mana-mana bahagian tubuh atau tangan atau pakaian dan sebagainya atau berhubung dengan mana-mana pelajar lain melalui apa carapun atau dilihat dan boleh ditafsirkan sebagai cuba menipu dan seumpamanya yang dilakukan oleh pelajar.

3. Tindakan tata tertib boleh diambil ke atas mana-mana pelajar yang ditangkap kerana kesalahan seperti di atas dan jika sabit kesalahan boleh dihukum melalui peruntukan **Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971** di bawah **Kaedah 48, Bahagian V, Tatacara Tatatertib, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1999**, yang membawa hukuman maksima digantung daripada pengajian atau dipecat dari Universiti Teknologi Malaysia.

4. Selain itu, menurut peruntukan di bawah **Peraturan Akademik UTM**, dinyatakan bahawa pelajar boleh dikenakan tindakan **diberi markah SIFAR (0)** bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus) atau **diberi markah SIFAR (0)** bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.

5. Pihak Universiti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan dan menjatuhkan hukuman maksima jika saudara/i didapati bersalah dalam melakukan penyelewengan akademik.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. TS. DR. ALI BIN SELAMAT)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pengerusi

Jawatankuasa Tatatertib Pelajar

b.p. Naib Canselor

Universiti Teknologi Malaysia

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
- Dekan-Dekan Fakulti

**DEPARTMENT OF DEPUTY VICE-CHANCELLOR
(STUDENT AFFAIRS AND ALUMNI)
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

UTM.J.06.01.00/10.12/22 Jld. 2 (77)

02nd July 2024

STUDENT CIRCULAR NO. 3/2024

**SPECIAL REMINDER FOR FINAL EXAMINATION OF
SEMESTER II, 2023/2024 SESSION**

To all students of Universiti Teknologi Malaysia,

All the best for your final examination in Semester II, 2023/2024 Session!

2. Students are **REMINDED** to comply and obey all the examination regulations and disciplinary rules imposed on you. The University take a serious view of academic offences committed by the students such as copying, taking in any document/paper into the examination room, writing any information or diagrams on any part of the body or hand or clothing and so on or communicating with any other student in any way which may be interpreted as attempting to cheat.

3. Disciplinary action will be taken against any student caught committing the above offences and if it is found guilty, the student may be penalized under the provisions of **Universities and University Colleges Act 1971, under Rule 48, Part V, Disciplinary Procedures, Universiti Teknologi Malaysia (Discipline of Students) Rules 1999**, which carries the maximum penalty of **suspension from studies or expulsion from Universiti Teknologi Malaysia**.

4. According to **UTM Academic Guidelines**, it is stated that a student may be given a **mark of ZERO (0) for the course (inclusive of coursework) or a mark of ZERO (0) for all the courses registered in that semester**.


5. The University will not hesitate to take action and to impose the maximum penalty if a student is found guilty of committing academic irregularities or dishonesty.

Thank you.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

I, who uphold trust,



(PROF. TS. DR. ALI BIN SELAMAT)

Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni)

Chairman

Student Disciplinary Authority

For Vice-Chancellor

Universiti Teknologi Malaysia

- cc - Vice-Chancellor
- Deputy Vice-Chancellor (Academic and International)
- Deputy Vice-Chancellor (Research and Innovation)
- Pro Vice-Chancellor (UTM Kuala Lumpur Campus)
- Deans of Faculties